

FELDA CHINI 3 DAN LADANG FGV MENGGARAK 1 DIKENAKAN PKPD

KUANTAN, 12 NOVEMBER 2021: Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan dilaksanakan di Ladang FGV Mengkarak 1, Bera dan FELDA Chini 3, Mukim Penyor, Pekan di Pahang selama 14 hari bermula hari ini hingga 25 November depan.

Ketua Pengarah Majlis Keselamatan Negara (MKN), Datuk Rodzi Md Saad, berkata keputusan itu dibuat selepas pihaknya meneliti pembentangan Kementerian Kesihatan (KKM) mengenai penilaian risiko dan jangkitan COVID-19 di lokaliti berkenaan.

“Prosedur operasi standard (SOP) bagi semua PKPD adalah sama seperti diumumkan sebelum ini, manakala tiada pelanjutan dan penamatan PKPD,” katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Negeri Chini, YB Encik Mohd Sharim Md Zain meminta penduduk Felda Chini 3, di sini, supaya mematuhi prosedur operasi standard (SOP) wabak Covid-19.

Beliau berkata tujuan pelaksanaan PKPD itu adalah untuk mengekang penularan jangkitan wabak Covid-19 daripada terus merebak.

Sehubungan itu, beliau menyeru agar penduduk dapat mematuhi SOP yang ditetapkan bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini. – **PAHANGMEDIA**

Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)

#MajuTerusPahang
#Pahang1st
#KerajaanNegeriPahang
#PahangGo

(LIPUTAN BERGAMBAR)

KENYATAAN MEDIA KP MKN
PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN DIPERKETATKAN
(PKPD) 10 NOVEMBER 2021



PELAKSANAAN PKPD	PELANJUTAN PKPD	PENAMATAN PKPD
<p>12 NOVEMBER 2021 (AM 12.01 PMG) 25 NOVEMBER 2021 (AM 11.30 MALAM)</p> <p>BERA Ladang FGV Mengkarak 1 PAHANG</p> <p>PEKAN FELDA Chini 3, Mukim Penyor PAHANG</p>	<p>TIADA PKPD DILANJUTKAN</p>	<p>TIADA PKPD DITAMATKAN</p>

www.mkn.gov.my  Majlis Keselamatan Negara  @MKNJPM  Majlis Keselamatan Negara (Rasmi)  @mkn_rasmi  MKNTV